

27 OCT 1999

MCA SUDAH ADA CALON GANTI WONG

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata parti itu telah mengenal pasti calon yang akan bertanding bagi kerusi Parlimen Rasah bagi menggantikan Datuk Wong See Wah pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata parti akan mengemukakan nama calon itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merupakan pengerusi Barisan Nasional, untuk kelulusan.

Beliau menjelaskan bahawa Wong, yang juga Timbalan Menteri Kewangan, telah memutuskan untuk tidak bertanding semula bagi memberi laluan kepada generasi muda.

Ling menafikan laporan sebuah akhbar berbahasa Cina bahawa Wong, yang merupakan Ketua MCA Negeri Sembilan, telah digugurkan daripada pilihan raya umum akan datang.

"Tidak terdapat sebarang perselisihan antara Wong dan kepimpinan parti tetapi keputusan beliau untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum adalah dengan kehendaknya sendiri," katanya.

Ling turut mengucapkan terima kasih kepada Wong, yang telah menjadi anggota Parlimen sejak 1990, bagi perkhidmatannya.

-- BERNAMA
ARA RHM MAI